



Dengan pelaksanaan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 ini, JBPM akan berusaha untuk mencapai objektif-objektif dalam Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) dan integriti seperti berikut:

01

Mempertingkatkan amalan penghayatan dan pembudayaan integriti di kalangan warga Jabatan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun;

02

Sesi Pesanan Integriti dilakukan sebelum jawatankuasa mesyuarat perolehan bersidang;

03

Memastikan 100% perolehan yang dilaksanakan disertakan Lampiran Aduan Integriti bersama Surat Setuju Terima (SST);

04

Memastikan pelaksanaan Pesanan Integriti dilaksanakan sebelum pemeriksaan keselamatan kebakaran bagi tujuan Pengeluaran Surat Sokongan Pelesenan Perniagaan, Penghapusan Bahaya Kebakaran, Mesyuarat JK Kajian Pelan dan Mesyuarat JK Teknikal Keselamatan Kebakaran (JKTKK); dan

05

Memberi maklum balas (Kad Akuan Terima) kepada pengadu dalam tempoh 3 hari bekerja melalui sistem eAduan Integriti.

JBPM sentiasa komited untuk mencapai objektif-objektif dalam Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) dan integriti .

DATO' SRI ABDUL WAHAB BIN HJ. MAT YASIN

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 26 Oktober 2023

OBJEKTIF ANTIRASUAH JBPM